



## **KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI**

### **PELAKSANAAN PERUNTUKAN LIABILITI KORPORAT KEKAL DIKUATKUASAKAN PADA 1 JUN 2020**

Kerajaan komited dalam usaha memerangi rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik.

Tidak kira sama ada usaha itu dilaksanakan di peringkat jabatan kerajaan, sektor swasta mahupun dalam kalangan masyarakat sivil, usaha ini akan terus diberi keutamaan.

Semua sedia maklum bahawa pewartaan peruntukan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 pada 4 Mei 2018 telah menetapkan pelaksanaan Prinsip Liabiliti Korporat membabitkan organisasi komersial.

Peruntukan ini menetapkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi organisasi komersial sekiranya mana-mana pekerja atau pihak bersekutunya melakukan perbuatan rasuah bagi faedah organisasi tersebut.

Setelah mengambil kira situasi semasa dan pandangan semua pihak, kerajaan menetapkan bahawa pelaksanaan undang-undang Liabiliti Korporat ini kekal berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020.

Antara lain penetapan ini dapat menggalakkan organisasi komersial mengambil langkah yang bersesuaian dan selari bagi memastikan perniagaan yang dijalankan tidak terlibat dalam aktiviti rasuah untuk tujuan dan kepentingan mereka.

Pejabat Perdana Menteri

21 Mei 2020